

Fotografi dahulu dan sekarang



Oleh **ABD RAA' OSMAN**
 Jurufoto Kanan & Pengajar
 Kursus Citra Seni Foto,
 Universiti Kebangsaan
 Malaysia.
 raa@ukm.edu.my

Dengan kepesatan dan kecangihan fotografi digital, kita tidak boleh abaikan etika serta tatasusila kita jika memuatkan gambar-gambar di mana.



GAMBAR HITAM PUTIH adalah media pertama yang hadir di negara kita

FOTOGRAFI mampu menceritakan sejarah. Gambar yang dirakamkan hari ini pasti akan menjadi sejarah selepas sepuluh tahun kemudian. Oleh itu ketika gambar dirakam pastinya kita perlu memikirkan kesan kepada penatapnya selepas tempuh tersebut.

Fotografi di Malaysia telah berkembang dengan pesatnya ketika ini. Jika suatu masa dulu fotografi hanya diamalkan oleh golongan bangsawan kerana faktor kewangan. Kini fotografi telah diceburi oleh semua golongan terutama mereka yang mencari sumber pendapatan sama ada tambahan atau tetap.

Ketika era analog fotografi tidaklah seperti sekarang yang mana penghantarannya agak lewat jika kita terlibat dalam industri media cetak. Gambar perlu diproses dari peringkat filem hingga ke gambar. Cuma agak cepat andainya gambar itu diproses sendiri.

Pemprosesan menggunakan bahan kimia adalah kaedah analog. Bahan kimia yang terkenal untuk memproses filem adalah D76, D72 dan D163. Manakala untuk memproses filem warna penggunaan mesin dengan bahan kimia C41 dan E6 adalah untuk memproses slide.

Kewujudan teknologi digital membantu mempercepatkan proses fotografi. Bagi yang terlibat dalam industri fotografi komersial

FOTOGRAFI digital boleh digunakan dalam berbagai penyelidikan sains.

akan memakan masa sedikit kerana ia akan disunting untuk memantapkan mutu gambar. Misalnya bagi yang terlibat dalam pengiklanan model dan juga perkahwinan.

Proses pembelajaran di sekolah mahupun di peringkat pengajian tinggi, fotografi digital mampu memudahkan tugas guru-guru dan juga pensyarah. Tambahan dengan wujudnya laman sesawang dan laman sosial telah menyemarakkan lagi dunia pendidikan.

Bidang sains perubatan dan kejuruteraan memperoleh faedah yang besar di era fotografi digital. Para saintis menggunakan teknologi ini untuk memperoleh keputusan penyelidikan mahupun diagnosis kepada pesakit.

Membicarakan kelebihan sama ada fotografi analog atau digital, semua ada kelebihan sendiri. Fotografi analog sebenarnya masih boleh digunakan cuma kita perlu rajin mencari bahan untuk memproses seperti filem, kertas cetak dan bahan kimia. Bahan


kimia boleh dibancuh sendiri jika kita tahu formulanya.

Fotografi analog mempunyai kepuasan tersendiri seperti mana seorang pelukis yang melukis menggunakan cat air mahupun cat minyak. Walau apa pun dengan kepesatan dan kecangihan fotografi digital, kita tidak boleh abaikan etika serta tatasusila kita jika memuatkan gambar-gambar di mana jua.

Tambahan dengan kewujudan kamera pada telefon bimbit yang mampu menyaingi kamera sebenar maka etika perlu dijaga agar kita tidak terjebak dengan budaya tidak baik.



GAMBAR FILEM WARNA mula bertapak sekitar tahun 1969



PEKAN RABU Alor Star tetap menjadi sejarah di masa depan.